

27 DEC 1999

Mahathir-Pekan Rabu

DR MAHATHIR LAWAT PEKAN RABU

ALOR SETAR, 27 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini meluangkan masa selama 35 minit bagi melawat dan membeli barangan di Pekan Rabu di sini.

Beliau diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Besar Kedah Datuk Syed Razak Syed Zain ke kompleks itu dalam rangka lawatan singkatnya ke negeri ini hari ini.

Lawatan ke kompleks perniagaan masyarakat Melayu ini merupakan salah satu acara tetap Dr Mahathir menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Ia membawa kenangan kepada Perdana Menteri kerana beliau bersama rakan-rakannya pernah menjalankan perniagaan di Pekan Rabu ketika meletusnya Perang Dunia Kedua.

Semasa lawatan hari ini Perdana Menteri sempat membeli songkok dan sepasang capal di kedai Sardi Dahar serta menempah 18 jenis kuih dan biskut untuk sambutan Aidil Fitri di Kedai Mak Chah.

Dr Mahathir kemudiannya membeli nasi ulam dan buah tampoi ketika melakukan lawatan 15 minit ke gerai Ramadan di pekarangan Stadium Darul Aman di sini.

Perdana Menteri dijadual merasmikan Dewan Kemas di Kampung Naga, Kepala Batas dekat sini pada pukul 6 petang dan berbuka puasa di situ.

Dr Mahathir yang tiba di sini pukul 3.40 petang ini dijangka berlepas pulang ke ibu negara pukul 9 malam ini.

-- BERNAMA

MAN NMO